

26/02/2001

Umno masih minat adakan pertemuan

Othman Mamat

JOHOR BAHRU, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Umno masih berminat mengadakan pertemuan bersama Pas walaupun pertemuan yang dicadangkan sebelum ini ditunda selepas parti itu menetapkan syarat untuk bertemu.

"Ya kita mahu (pertemuan Umno dan Pas) diadakan, (supaya pemimpin Umno dan Pas, dapat) duduk dan bercakap, tidak ada subjek pun tidak kisah, asalkan (dapat) duduk dan berbincang," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas menyaksikan Grand Prix Powerboat Formula 1 (F1) Malaysia, di Tanjung Puteri, di sini hari ini, Dr Mahathir berkata, beliau sebenarnya mengharapkan untuk bertemu Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor apabila pulang ke Alor Star untuk menyambut Aidiladha.

"Saya bercadang untuk menunaikan solat di masjid baru di Kampung Alor Malai di mana Fadzil tinggal, tetapi pemimpin Pas itu tidak akan ada di situ kerana pergi menunaikan haji," katanya.

Beliau berkata, Pas tidak sepatutnya menetapkan syarat yang seolah-olah mahukan supaya Umno memberikan duit kepadanya jika mahu pertemuan perpaduan Melayu diadakan.

"Dia (Fadzil) harap kita tolak, (sebaliknya) kita tidak tolak, tetapi kita hendak tunggu, bukan kita (tidak mahu). Kita hendak adakan, itu cara kita buat supaya dapat diadakan pertemuan ini," katanya.

Turut hadir pada sidang akhbar itu, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishamuddin Tun Hussein.

Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan Fadzil yang disiarkan akhbar hari ini bahawa beliau tidak nampak pertemuan kedua-dua parti itu akan menjadi kenyataan.

Presiden Pas itu dilaporkan berkata, kini terpulang kepada Umno kerana kalau parti itu terus berdegil enggan menunaikan tiga syarat yang dikehendaki Pas, maka sukarlah pertemuan itu hendak direalisasikan.

Fadzil yang berlepas ke Makkah untuk menunaikan fardu haji hari ini dipetik berkata, kini terserah kepada Umno untuk membuat pertimbangan merealisasikan syarat-syarat yang ditetapkan Pas terlebih dahulu.

Dr Mahathir berkata, Umno sudah bersetuju dengan syarat yang ditetapkan Pas pada peringkat awal perbincangan teknikal termasuk memperluaskan skop perbincangan kepada perpaduan nasional.

Malah, katanya, Umno turut bersetuju dengan syarat lain yang ditimbulkan oleh Pas untuk dibincangkan dalam pertemuan itu.

"Sekarang ini nak suruh kita bagi, secara tidak langsungnya, duit. Itu kita tidak bolehlah. Kita nak bincang boleh, (tetapi) nak suruh kita bagi itu, bagi ini barulah nak bincang, tidak bolehlah," katanya.

Ditanya sama ada Pas sengaja menetapkan syarat berkenaan supaya pertemuan itu menjadi lebih sukar, Perdana Menteri berkata, beliau tidak mahu mengulasnya kerana ia mungkin menimbulkan pelbagai tanggapan.

"Saya tak nak kata apa-apa, (kalau) saya kata saja, (Pas akan kata), hah tengoklah itu, Dr Mahathir kata begitu, sebab itu kita (Pas) tak mahu jumpa dengan dia.

"Tengok (itulah) pencuri, penyangak, Maha Firaun, Mahazalim, sebab itu dia (Dr Mahathir) tak boleh bercakap dengan kita (Pas)," katanya.

(END)